

SEMINAR & PAMERAN PEMBANGUNAN KOMUNIKASI STRATA BANDARAYA KUALA LUMPUR 2017

16 MEI 2017 (SELASA) | KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE (KLCC)



Seminar dan pameran ini diadakan pada 16 Mei 2017 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Seminar yang berkaitan dengan Pembangunan Komuniti Strata Bandar Raya Kuala Lumpur 2017 ini dianjurkan oleh Pegawai-Pegawai Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta pameran Pembangunan Strata turut diadakan di ruang legar bermula jam 7.00 pagi sehingga 5.00 petang bertempat di Tingkat 1, Dewan Plenary, KLCC.



BULETIN

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

APRIL - JUN



MAJLIS PERHIMPUNAN PPTG WP BIL. 1/2017 BERSAMA YBRS. PENGARAH

6 APRIL 2017 (KHAMIS) | DEWAN SERBAGUNA, ARAS 4

Perhimpunan ini adalah yang pertama bagi tahun 2017 dan YBrs. Tuan Pengarah akan memberikan ucapan dan amanat awal tahun beliau. Selain itu, pihak pengurusan telah mengiktiraf dan memberikan penghargaan kepada staf PPTG WP yang SIFAR(0) kehadiran lewat ke pejabat dan SIFAR(0) pengambilan cuti sakit sepanjang tahun 2016.

Seramai 48 orang staf telah menerima sijil penghargaan bagi SIFAR(0) kehadiran lewat dan 65 orang staf bagi SIFAR(0) pengambilan cuti sakit. Seramai 24 orang staf yang telah dipilih untuk menerima Sijil Penghargaan bagi Anugerah Pekerja Contoh Bulan Januari hingga Mac 2017 dalam perhimpunan ini. Tahniah kepada semua penerima sijil penghargaan.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA YBHG. TAN SRI TKSUK BIL. 6/2017 JABATAN PERDANA MENTERI


21 JUN 2017 (RABU) | AUDITORIUM JPM, PUTRAJAYA



Perhimpunan Bersama YBhg. TKSUK, JPM ini diadakan pada setiap bulan bertempat di Auditorium Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya. Perhimpunan ini dihadiri oleh Tan Sri Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK) Jabatan Perdana Menteri. Hadirin yang terlibat adalah merupakan agensi yang terletak dibawah Jabatan Perdana Menteri.

MAJLIS PELANCARAN SISTEM e-TANAH PPTG WP KUALA LUMPUR

19 JUN 2017 (ISNIN) | KAUNTER SPOC ARAS 1



Majlis Pelancaran sistem e-Tanah diadakan pada 19 Jun 2017 bertempat di Aras 1, PPTG WP. Majlis ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli. Majlis ini bertujuan untuk merasmikan dan memperkenalkan penggunaan sistem e-Tanah kepada orang awam.

LAWATAN DELEGASI DARI NEGARA NEPAL

8 JUN 2017 (KHAMIS) | BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 1



Lawatan delegasi daripada Ministry of Land Reform and Management, Nepal telah memohon bantuan daripada pihak JUPEM untuk menyelaras lawatan ke agensi-agensi yang berkaitan dengan Pengurusan Tanah. Lawatan yang disambut oleh YBrs. En. Ahmad Fuad bin Mustaffa, Timbalan Pengarah Sektor Pendaftaran Tanah ini diadakan pada 8 Jun 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 1, RPKL bertujuan bagi mendapatkan maklumat mempelajari dan mengetahui berkenaan Pengurusan Tanah (Hakmilik Tanah) dan Pemberimilikan Tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

LATIHAN KEBAKARAN PPTG WPKL 2017

23 MEI 2017 (SELASA) | DATARAN MERDEKA



Latihan ini melibatkan seramai 440 orang penghuni Rumah Persekutuan yang terdiri daripada kakitangan PPTG WPKL, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Brickfields (AADK), Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. (CFMSB), Puncak Tegap Sdn. Bhd. (PTSB), kakitangan kafeteria di premis bangunan RPKL dan orang awam yang berurusan di Jabatan ini. Tempoh masa yang diambil bagi mengosongkan bangunan RPKL adalah selama tujuh (7) minit dan kejayaan catatan masa ini adalah hasil komitmen Emergency Response Team (ERT) dan semua penghuni RPKL.

Latihan ini mendapat kerjasama yang amat baik daripada pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat (Balai Hang Tuah), Pasukan Petugas Trafik dari Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM dan Jabatan Penguatkuasaan, DBKL serta Pasukan Perubatan dari Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016 JABATAN PERDANA MENTERI

16 MEI 2017 (SELASA) | DEWAN DE' SERI ENDON, PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA



**MAJLIS ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

2016

**OLEH:
YBHG. TAN SRI DR. ALI HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**16 MEI 2017 (SELASA)
DEWAN DE' SERI ENDON, PUSPANITAPURI, PUTRAJAYA**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perdana Menteri diadakan pada 16 Mei 2017 bertempat di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya. Anugerah ini disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara kepada penjawat awam yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016.

Seramai 23 orang penjawat awam telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Tahniah kepada semua penerima anugerah.